

**Tahniah Dilma Rousseff Dipilih Semula Sebagai Presiden Brazil - Najib
Bernama
Oct 27, 2014**

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada Presiden Brazil, Dilma Rousseff, selepas beliau berjaya mempertahankan jawatannya bagi penggal kedua pada Ahad.

"Tahniah Pres @dilmabr di atas pemilihan semula. Malaysia akan terus memperkukuhkan hubungan dua hala dengan Brazil," kata Najib dalam akaun Twitter beliau Isnin malam.

Media melaporkan keputusan rasmi menunjukkan Rousseff, presiden pertama wanita di Brazil, memperoleh kemenangan dengan 51.59 peratus manakala calon pembangkang Aecio Neves mendapat 48.41 peratus selepas 99 peratus undi dikira.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1080047>